


UPSI, IJNC Jalin Kerjasama Perkasa Bidang Psikologi



Tanjong Malim, 25 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan hormat daripada delegasi Institut Jantung Negara College (IJNC) bagi memperkukuh kerjasama akademik dalam bidang psikologi. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata pihak universiti menyambut baik usaha ini dan percaya bahawa kerjasama tersebut akan meningkatkan lagi keupayaan akademik serta profesionalisme dalam bidang psikologi.

“Pihak UPSI berbesar hati dengan kunjungan tersebut dan optimis bahawa

kerjasama ini mampu memberi manfaat besar bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga kepada perkembangan akademik kedua-dua institusi.

“Kerjasama dengan IJNC ini amat penting kerana ia bukan sahaja memperkaya bidang psikologi di UPSI, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman pembelajaran luas dan berkualiti.

Tambah beliau, UPSI sentiasa terbuka untuk menjalinkan hubungan strategik dengan institusi pendidikan lain dalam usaha memperkasakan bidang akademik. “Kami yakin dengan kepakaran yang ada di kedua-dua institusi, kerjasama ini dapat menghasilkan graduan yang lebih berdaya saing dan memenuhi keperluan industri,” ujar beliau. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IJNC, Profesor Emerita Dr. Durrishah Idris, berkata bahawa pihaknya melihat UPSI sebagai rakan strategik yang berpotensi besar dalam memperkasa bidang psikologi di negara ini.

“Kami yakin bahawa kolaborasi ini bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada pelajar, tetapi juga membuka ruang kepada kajian bersama serta pemindahan ilmu yang lebih efektif antara kedua-dua institusi. Katanya, IJNC komited untuk memastikan program yang ditawarkan memenuhi piawaian akademik tertinggi dan selari dengan keperluan industri kesihatan serta psikologi. “Kerjasama ini diharapkan dapat melahirkan tenaga kerja profesional yang mampu menyumbang kepada pembangunan sektor kesihatan mental dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Dalam pertemuan tersebut, IJNC menyatakan hasrat untuk menjalankan program Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian secara francais dengan UPSI.

“Inisiatif ini diharapkan dapat membuka peluang lebih luas kepada pelajar bagi memperoleh pendidikan berkualiti dan profesional dalam bidang berkenaan,” katanya. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Profesor Dr. Suriani Abu Bakar; Dekan Fakulti Pembangunan Manusia UPSI, Profesor Madya Dr. Abdul Talib Mohamed Hashim; Pengarah Akademik dan Antarabangsa UPSI, Profesor Madya Dr. Ridzwan Che Rus; Pengurus Besar UPSI Holding Sdn. Bhd, En. Mohd Effendy Dato' Mohamad Zailani.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana UPSI Perkukuh Ukhuwah

Behrang, 25 Mac - Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menganjurkan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana dalam usaha memperkukuh ukhuwah serta memupuk budaya cintakan Al-Quran dalam kalangan warga universiti. Program yang berlangsung di Masjid Al-Mursyidin UPSI itu menghimpunkan lebih 150 peserta, terdiri daripada kakitangan dari pelbagai pusat tanggungjawab serta pelajar, dalam usaha menggalakkan pembacaan dan penghayatan Al-Quran sepanjang Ramadan.

Sebagai sebahagian daripada program, gimik penyerahan 'Bakul Aidilfitri' anjuran WEZAS turut

Bengkel ToT Pekerti UPSI Tingkatkan Kemahiran Kesihatan Sosial, Reproduksi

Tanjong Malim, 26 Mac - Bengkel Training of Trainers (ToT) PEKERTI UPSI yang telah diadakan semalam di Bilik Seminar, Pusat Pelajar berjaya menarik penyertaan ramai dan memberi manfaat kepada para peserta.

Bengkel ini dianjurkan oleh Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK) dengan kerjasama Pusat Kaunseling, Pusat Kesihatan UPSI dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bertujuan memberi pendedahan serta kemahiran kepada peserta berhubung pendidikan kesihatan

diadakan dengan penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid Salimin dan Bendahari UPSI, Tuan Haji Mohamad Najib Mohamed. Inisiatif itu bertujuan menyemarakkan semangat kebersamaan serta membantu golongan memerlukan menjelang Aidilfitri. Majlis berakhir pada 11 pagi, dengan pihak penganjur menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program itu.

Diharapkan inisiatif ini dapat diteruskan bagi menggalakkan budaya membaca dan memahami Al-Quran dalam kalangan warga universiti, sekali gus menyemarakkan penghayatan Islam sebagai panduan hidup.

sosial dan reproduktif (SRHE) yang akan disebarluas khususnya kepada mahasiswa-mahasiswi di UPSI.

Seramai 40 orang peserta telah menghadiri bengkel selama satu hari ini, yang terdiri daripada kakitangan akademik, pengurusan dan profesional serta kakitangan pelaksana daripada pelbagai pusat tanggungjawab di UPSI. Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Logarani Mathivanan dan Puan Azlin Nadzirah Jamaluddin, yang merupakan pegawai kaunseling berpengalaman daripada LPPKN.



Dr. Norhayati Ahmat Cipta Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik

Pengenalan

Perubahan dalam sistem pendidikan telah mengubah peranan guru daripada penyampai ilmu kepada fasilitator dengan menekankan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, bahan bantu mengajar inovatif diperlukan bagi membantu pelajar memahami konsep matematik secara interaktif.

Running Rangers Game: Super

Running Rangers Game: Super (RRGs) merupakan permainan papan pendidikan yang membantu pelajar memahami konsep translasi, pantulan dan putaran dalam Transformasi Isometri Matematik Tingkatan 2. Dibangunkan berdasarkan pendekatan Game-Based Learning (GBL) dan model ADDIE, permainan ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

Dalam permainan ini, pemain perlu melarikan diri dari kawasan radiasi di Bukit Kristal dengan menggunakan konsep matematik untuk sampai ke Zon Selamat. Mereka akan mengumpul harta dan mengelakkan perangkap, menjadikan pengalaman pembelajaran lebih mencabar. Keberkesanan permainan ini terbukti dengan peningkatan pencapaian dan motivasi pelajar. RRGs telah memenangi beberapa anugerah emas di MTE AYIA 2022 dan CRI UMK 2022 serta telah bersedia untuk dikomersialkan.

Augmented Reality Pocket Notes dalam Geometri Pepejal

Produk ini merupakan aplikasi e-pembelajaran yang menggabungkan teknologi Realiti Terimbuh (AR) bagi membantu pelajar memvisualisasikan konsep geometri pepejal. Dibangunkan oleh Dr. Raja Noor

Farah Azura, aplikasi ini mengandungi nota poket bersaiz 8x4x1 cm dan fail APK, membolehkan pelajar berinteraksi dengan model 3D secara mudah alih. Ujian keberkesanan menunjukkan peningkatan pemahaman pelajar dalam geometri pepejal, meningkatkan minat dan keyakinan dalam pembelajaran matematik. Aplikasi ini kini berada di TRL tahap 9 dan bersedia untuk dikomersialkan.

3D Express

Dibangunkan oleh Dr. Murugan a/l Rajoo, 3D Express ialah alat pendidikan untuk membantu pelajar berkebolehan kognitif sederhana hingga bentuk geometri 3D dan jaring geometri. Produk ini terdiri daripada buku pop-up dan aplikasi interaktif yang menjadikan pembelajaran lebih mudah dan efektif.

